

29 JAN 2001

Mahathir-Bahrain (Bergambar)

SEKTOR SWASTA PATUT GALAKKAN HUBUNGAN MALAYSIA-BAHRAIN - DR M

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa sektor swasta di Malaysia dan Bahrain supaya memainkan peranan dalam menggalakkan dan membangunkan hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata cabaran di hadapan mereka ialah mengambil peluang infrastruktur yang disediakan bagi menerokai pelbagai peluang usahasama yang terdapat di kedua-dua negara.

"Satu contoh seumpama itu ialah dalam bidang kerjasama kewangan termasuk perbankan Islam," katanya semasa berucap pada jamuan malam meraikan Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa di kediaman rasminya, Seri Perdana, di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia gembira kerana Bahrain selama ini merupakan sebuah ekonomi terbuka dan telah meningkatkan lagi insentif menarik bagi perniagaan.

Katanya keputusan untuk mencepatkan penurunan tarif bagi barangan import kepada antara 5.7 peratus dan 7.5 peratus daripada Majlis Kerjasama Teluk (GCC) pada tarikh yang dipersetujui pada 2005 kepada 2003 akan menyumbang ke arah perluasan perdagangan di Rantau Teluk.

"Malaysia, sebagai sebuah negara perdagangan, sentiasa mengalu-alukan pelbagai langkah yang akan melancarkan perdagangan kerana ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Katanya dengan termeterainya Perjanjian Pengelakkan Cukai Berganda dan Perjanjian Penggalakkan dan Perlindungan Pelaburan baru-baru ini, tidak disangkal akan meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Kemasukan satu lagi perjanjian iaitu penubuhan Suruhanjaya Bersama bagi Kerjasama Dua Hala, pastinya akan mengukuhkan hubungan berkenaan, katanya.

Beliau berkata Malaysia sejak sekian lama telah bekerjasama dalam bidang-bidang lain seperti pembangunan sumber manusia, pertukaran kepakaran dan akan terus menawarkan tempat di pelbagai institusi pendidikan tinggi dan pusat latihan kepada Bahrain di bawah program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Dengan bahasa Inggeris digunakan di banyak institusi pendidikan tinggi dan Malaysia yang mengamalkan cara hidup Islam, pastinya amat menarik bagi Bahrain.

Dr Mahathir berkata Malaysia sedar akan peranan penting yang dimainkan oleh Bahrain dalam kapasitinya sebagai pengerusi GCC pada masa ini dan percaya kepimpinannya akan menyumbang secara positif kepada keseluruhan situasi politik dan keselamatan serta kemajuan ekonomi di rantau ini.

Beliau berkata kesamaan pendapat antara Malaysia dan Bahrain mengenai isu Proses Damai Asia Barat bahawa ia perlu berdasarkan perundangan antarabangsa.

Mengenai persoalan Palestin secara spesifik, Israel mesti menghormati hak perundangan pelarian Palestin untuk kembali ke tanah air mereka dan hak mereka bagi keazaman sendiri, kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Shaikh Khalifa berkata Bahrain berbangga dengan hubungan rapat dan kukuh dengan Malaysia.

"Kami amat gembira dengan hasrat dan keazaman kedua-dua negara kita untuk membangun dan memperluaskan lagi kerjasama bersama dan pertukaran kepakaran dalam pelbagai bidang bagi manfaat kedua-dua negara dan rakyat."

Shaikh Khalifa, yang diiringi delegasi 55 anggota termasuk empat menteri, tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

-- BERNAMA

RZS AHH SHS RHM